

19 JUN 2003

Mahathir-Parti

MOOD DALAM PARTI MENENTANG SEGALA PERBALAHAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata mood dalam Umno sekarang menentang segala perbalahan dalam parti dan yakin ia akan berkekalan sehingga pemilihan parti tahun hadapan.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata para anggota parti akan berasa bersalah sekiranya mereka berbalah kerana ianya bertentangan dengan mood kebanyakan anggota.

"Jadi kalau ada orang yang cuba nak bersengketa maka mereka tidak akan dapat sokongan," katanya pada persidangan akhbar di akhir hari pertama Perhimpunan Agung Umno ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Beliau berkata pendekatan untuk mengelakkan perbalahan semasa pemilihan parti tahun depan ialah dengan menjangka dan mengutarakan masalah itu supaya ianya tidak berlaku.

"Saya nampak semangat Umno kuat sekali. Mereka sokong saranan kita supaya tidak ada perbalahan dan sokongan pada Pak Lah (timbangannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) kuat sekali," katanya.

Menjawab soalan mengenai cadangan seorang perwakilan supaya pilihan raya diadakan lebih awal, Dr Mahathir percaya mood itu akan kekal sehingga pilihan raya.

Beliau percaya berdasarkan mood kini, Umno dan Barisan Nasional (BN) boleh mencapai kemenangan yang lebih besar pada pilihan raya umum akan datang berbanding pencapaian pada pilihan raya umum 1999.

Mengenai banyak pujian terhadapnya dibangkitkan dalam perbahasan tadi, beliau berkata: "Saya sudahpun mengatakan jangan ada sebarang puji-pujian. Tetapi saya tidak boleh menghalang mereka. Saya anggap itu secara tidak langsung menunjukkan keyakinan kepada parti. Mereka memuji kepimpinan parti dan bukan untuk diri saya sendiri."

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata beliau akan meneliti sedikit kekosongan dalam kabinet berikutan peletakan jawatan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik sebagai Menteri Pengangkutan.

Semasa ditanya sama ada beliau berasa sedih memandangkan beliau akan mengundurkan diri dari jawatan presiden, Dr Mahathir berkata: "Bukan kerana mengundurkan diri. Saya sedih kerana jika anda dengar penutup ucapan saya ... (ianya) doa saya kepada parti."

-- BERNAMA

JM ERE KHY ROS